

Faunal Lexical Items as Meaning-Bearing Signifiers in Malay Pantun: A Semiotic Analysis from the Perspective of Visual Art

Azyantee Binti Mohd Zawawi*

Haslinda Binti Hashim**

*azyanzarra@gmail.com** (Corresponding Author), *has_81@yahoo.com***

Abstract

Malay pantun is one of the traditional poetic forms rich in natural symbolism, particularly in the use of fauna (animals) as meaningful lexical elements and as important components through figurative expressions. The use of fauna such as birds, fish, or insects is often employed to symbolize human life situations, for instance in portraying emotions or particular circumstances. Meanwhile, visual art refers to artworks that can be directly perceived through sight. It represents a form of creative expression arranged aesthetically through design elements such as point, line, shape, form, color, tone, texture, and space to produce a work of art. The use of animal symbolism in pantun is not merely intended to embellish the poem, but also reflects the close relationship between the Malay community of the past and the natural environment surrounding them. Therefore, this study aims to identify the use of fauna-related lexical items in Malay pantun and to analyze the symbolic meanings of these fauna elements by examining their connections from the perspective of visual art. This study employs a qualitative approach based on textual analysis, using *Pantun Melayu Bingkisan Permata (2007)* as the primary data source. The analysis is guided by Ferdinand de Saussure's Semiotic Theory, particularly the concepts of the signifier, the signified, and the arbitrary relationship formed through the cultural conventions of the Malay community. The findings indicate that fauna elements such as the chicken, dove, tiger, shrimp, and horseshoe crab function as symbols that convey various social, moral, and emotional meanings, including values of courtesy, loyalty, social hierarchy, and admonition against improper human behavior. In addition, the study also finds that the same fauna symbols function consistently in visual artworks as effective representations of cultural communication. This study contributes to the enrichment of Malay literary discourse by expanding the analysis of fauna symbolism into an interdisciplinary context between literature and visual art, thereby highlighting the worldview of the Malay community toward nature and culture.

Keywords: Malay Pantun, Fauna, Semiotics, Symbolism, Visual Art

Submitted: 12 July 2024

Revised: 25 Jan 2026

Published: 31 March 2026

* Lecturer at the Pusat Pengajian Teras, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Kelantan

**Lecturer at the Pusat Pengajian Teras, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Kelantan



Penggunaan Unsur Fauna Sebagai Leksikal Bermakna dalam Pantun Melayu dan Perkaitannya dari Aspek Seni Visual

Azyantee Binti Mohd Zawawi*, Haslinda Binti Hashim**

*azyanzarra@gmail.com** (Penulis Koresponden), *has_81@yahoo.com***

Abstract

Pantun Melayu merupakan salah satu bentuk puisi tradisional yang kaya dengan unsur simbolisme alam khususnya penggunaan unsur fauna (haiwan) sebagai leksikal bermakna dan elemen penting melalui penggunaan ungkapan kias ibarat. Penggunaan unsur fauna seperti burung, ikan atau serangga sering digunakan untuk melambangkan senario kehidupan manusia misalnya menggambarkan perasaan atau situasi tertentu. Manakala seni visual merupakan karya seni yang dapat dilihat secara langsung melalui penglihatan dengan mata kasar. Seni visual berbentuk ekspresi kreatif dengan menyusun secara estetik elemen-elemen rekaan seperti titik, garis, rupa, bentuk, warna, tona, tekstur dan ruang untuk menghasilkan sebuah karya seni. Penggunaan simbol haiwan ini bukan hanya bertujuan memperindahkan pantun, tetapi mencerminkan hubungan erat masyarakat Melayu zaman dahulu dengan alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti penggunaan leksikal fauna dalam pantun Melayu dan menganalisis makna simbolik unsur fauna tersebut dengan meninjau perkaitannya dari perspektif seni visual. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis teks dengan menjadikan Pantun Melayu Bingkisan Permata (2007) sebagai sumber data utama. Analisis dijalankan berpandukan teori Semiotik Ferdinand de Saussure, khususnya konsep penanda, petanda dan hubungan arbitrari yang dibentuk melalui konvensi budaya masyarakat Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur fauna seperti ayam, burung merpati, harimau, udang dan belangkas berfungsi sebagai simbol yang mendukung pelbagai makna sosial, moral dan emosi, termasuk nilai berbudi, kesetiaan, hierarki sosial serta teguran terhadap perilaku manusia. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa simbol fauna yang sama berfungsi secara konsisten dalam karya seni visual sebagai lambang komunikasi budaya yang berkesan. Kajian ini menyumbang kepada pengayaan wacana sastera Melayu dengan memperluas analisis simbol fauna ke dalam konteks interdisiplin sastera dan seni visual, sekali gus memperlihatkan pandangan dunia (*worldview*) masyarakat Melayu terhadap alam dan budaya.

Kata kunci; Pantun Melayu, fauna, semiotik, simbolisme, seni visual

Dihantar: 12 Julai 2024

Revised: 25 Jan 2026

Published: 31 Mac 2026

*Pensyarah di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Kelantan

**Pensyarah di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Kelantan



1.0 Pendahuluan

Pantun Melayu merupakan salah satu bentuk puisi tradisional yang menjadi warisan budaya penting dalam komuniti Melayu Nusantara dan diiktiraf bukan sahaja sebagai medium estetika tetapi juga sebagai alat simbolik yang memuatkan nilai moral, sosial dan budaya masyarakat (Jabatan Warisan Negara, 2025). Secara tradisinya, pantun dibentuk melalui struktur empat kerat dengan rima a-b-a-b, di mana pembayang seringkali menggunakan metafora alam termasuk flora dan fauna sebagai representasi makna yang tersirat (Jabatan Warisan Negara, 2025). Unsur alam ini bukan sahaja memperkaya bahasa dan kreativiti puisi, tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai kolektif melalui bentuk yang halus dan tersirat.

Dalam kajian sastera kontemporari, perhatian terhadap simbolisme pantun dilihat semakin meningkat. Misalnya, Zolkifli, Abdull Rahman, dan Ramli (2025) menekankan peranan estetika dan simbolisme pantun dalam teks drama moden, yang menunjukkan bagaimana imejan alam dan metafora menyumbang kepada naratif dan nilai budaya yang lebih luas dalam konteks sastera moden. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menunjukkan bahawa unsur pantun bukan sahaja menjadi ekspresi emosi dan nilai sosial, tetapi juga menghubungkan pengalaman budaya kepada pembaca masa kini (Zolkifli, Abdull Rahman, & Ramli, 2025). Kajian lain juga mendapati bahawa makna tersirat dalam pantun, seumpama simbol bunga dalam puisi Melayu, berfungsi sebagai alat nasihat dan teguran kepada masyarakat, yang mencerminkan kreativiti dan pemikiran masyarakat Melayu melalui penggunaan kiasan semula jadi (Abdul Ghani & Mohamed, 2024).

Merujuk kepada bidang semantik dan semiotik, Ishak, Ja'afar, dan Abdullah (2024) menggunakan perspektif semiotik Riffaterre untuk membedah struktur makna pantun kanak-kanak dan menunjukkan bahawa makna boleh dijejaki bukan hanya melalui struktur formal puisi tetapi juga melalui pembacaan heuristik dan hermeneutik terhadap lambang yang digunakan. Pendekatan ini menonjolkan bahawa simbolisme dalam pantun tidak bersifat statik, tetapi merupakan proses pemaknaan yang melibatkan pembaca dan konteks budaya (Ishak, Ja'afar, & Abdullah, 2024). Tambahan pula, kajian terhadap fenomena alam dalam pantun mendapati bahawa unsur alam dan fenomena semula jadi memberi sumbangan bukan sahaja kepada estetika tetapi juga kepada kefahaman budaya yang mendalam (Al-Fin & Jalaluddin, 2025).

Bait-bait ungkapan dalam proses penciptaan pantun adalah terkait rapat dengan realiti kehidupan masyarakat. Secara dasarnya, persekitaran masyarakat iaitu latar alam dan latar budaya sesebuah masyarakat akan terserlah dengan sendirinya. Penggunaan unsur haiwan dalam pantun Melayu seringkali diguna untuk menyampaikan mesej tertentu, nasihat, teguran, ungkapan perasaan, sindiran, atau memvisualkan situasi tertentu. Hal yang demikian kerana wujudnya korelasi dan arbitrari antara manusia dengan alam. Bahkan pantun menjadi alat dalam menerbitkan keunikan pemikiran, kepelbagaian pengalaman, dan ekspresi emosi manusia yang pelbagai dan kompleks. Misalnya, pemantun yang mendiami pesisir pantai atau laut akan menjadikan panorama yang terdapat disekeliling mereka antaranya ombak pantai, lautan atau pelayaran sebagai pembayang atau maksud dalam pantun. Oleh yang demikian, visual yang terakam di hadapan mereka akan dimasukkan dalam pantun contohnya seperti di bawah;



Baik-baik **belayar** malam
Arus deras **karangnya** tajam
Cari-cari muallim yang faham
Di situ banyak **kapal tenggelam**.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007:138)

Penggunaan istilah *belayar*, *arus*, *karangnya*, dan *kapal tenggelam* menunjukkan bahawa pantun tersebut terhasil kerana wujudnya hubungan yang akrab antara pemantun dengan panorama yang terdapat disekelilingnya. Justeru melihat panorama pantai dan lautan menjadi ilham kepada pemantun dalam menzahirkan pantun yang mempunyai kaitan dengan unsur alam. Manakala simbol haiwan misalnya banyak didapati dalam penzahiran pantun Melayu. Misalnya penggunaan leksikal tanduk dan gading menerusi pantun di bawah yang merupakan satu bahagian daripada anggota badan haiwan iaitu gading gajah dan tanduk lembu atau kerbau. Kedua-dua simbol tanduk dan gading tersebut membawa maksud yang tersirat. Justeru, penggunaan istilah yang berkaitan alam inilah yang membentuk keakraban antara manusia dengan alam semula jadi. Malah, bukan hanya leksikal yang menjadi simbol alam fauna sahaja digunakan, tetapi juga flora.

Buah langsung kuning mencelah
Senduduk tidak berbunga lagi
Sudah dapat **gading** bertuah
Tanduk tidak berguna lagi.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007)

Pengalaman hidup masyarakat Melayu yang pelbagai terakam ke dalam pantun menerusi penggunaan istilah dan simbol tertentu yang mempunyai makna. Menerusi citra yang terdapat pada tumbuhan dan haiwan dipantulkan kepada citra manusia dan memaparkan kelangsungan hidup manusia. Oleh yang demikian, penggunaan unsur tumbuhan sama ada yang ditanam atau tumbuh meliar, atau unsur haiwan sama ada yang dipelihara atau liar menjadi simbolik dan mendukung makna tertentu yang menjadi gambaran citra manusia (Eizah, 2016).

Manakala seni visual adalah karya seni yang dapat dilihat secara langsung melalui penglihatan dengan mata kasar. Seni visual berbentuk ekspresi kreatif dengan menyusun secara estetik elemen rekaan seperti titik, garis, rupa, bentuk, warna, tona, tekstur dan ruang untuk menghasilkan sebuah karya seni (Frank, Preble & Preble, 2018). Tujuan utama seni visual adalah untuk menghasilkan karya seni yang mampu memberi makna yang mendalam, kesan dan pengalaman serta turut membangkitkan emosi atau reaksi kepada penontonnya. Yusuf (2018) menyifatkan bahawa media seni mempunyai daya tarikan yang mampu mengusik hati penontonnya. Bagi penonton yang melihat dan menghayati satu karya seni pasti akan tergerak untuk memahami maksud yang cuba disampaikan melalui karya tersebut.

Seni visual terbahagi kepada beberapa media seperti lukisan, catan, arca, cetakan, seni digital dan sinema, fotografi, seni kraf dan seni bina bangunan (Frank et al., 2018). Media-media ini dijadikan sebagai perantara dalam menyampaikan pesanan dan informasi kepada penonton dengan mengekspresikan secara kreatif karya seni di atasnya. Penelitian dan pengajaran seni visual adalah penting dalam menjaga tradisi seni sekaligus mewujudkan inovasi serta mengapresiasi keindahan dan makna yang terkandung pada karya seni itu. Dengan demikian,



seni visual boleh dianggap sebagai salah satu bentuk warisan budaya manusia yang penting untuk diperturunkan kepada generasi akan datang.

Oleh yang demikian, kajian terdahulu banyak memfokuskan kepada penggunaan unsur fauna dalam pantun dan peribahasa Melayu dari sudut linguistik dan semiotik (Daud, 2007; Eizah, 2016; Amran & Nopiah, 2020). Kajian-kajian ini menekankan fungsi metafora dan perlambangan fauna dalam menyampaikan makna tersirat berkaitan perilaku dan pemikiran masyarakat Melayu. Namun begitu, kajian-kajian tersebut terhad kepada analisis teks sastera tanpa menghubungkannya dengan domain visual. Kajian ini melangkaui batas tersebut dengan membandingkan simbol fauna dalam pantun Melayu dengan penggunaannya dalam seni visual seperti logo, jata, lukisan dan komunikasi grafik. Dengan demikian, kajian ini memperluas pemahaman terhadap simbol fauna sebagai sistem tanda yang merentas medium, sekali gus menyumbang kepada pendekatan interdisiplin antara sastera dan seni visual.

Walaupun kajian-kajian ini banyak memberi tumpuan kepada simbolisme umum dan estetika pantun, terdapat kekosongan dalam kajian yang secara khusus memfokuskan simbol fauna dalam pantun Melayu dan perbandingannya dengan representasi simbolik yang sama dalam konteks seni visual kontemporari. Hal ini penting kerana unsur fauna bukan sahaja muncul dalam teks secara langsung tetapi juga sering digunakan dalam media visual seperti logo, jata, dan karya seni yang berfungsi sebagai lambang identiti dan nilai budaya komuniti Melayu. Oleh itu, kajian ini menumpukan kepada penerokaan simbolisme fauna dalam pantun Melayu, menggunakan teori semiotik untuk menyampaikan makna budaya yang terjalin dalam komunikasi tradisi ini, serta membandingkannya dengan manifestasi dalam seni visual moden.

1.1 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan leksikal fauna dalam pantun Melayu dan menganalisis makna simbolik unsur fauna tersebut dengan meninjau perkaitannya dari perspektif seni visual.

2.0 Sorotan Kajian

Menyorot kajian terdahulu berkenaan simbol alam yang digunakan dalam penciptaan pantun, aspek metafora dalam pantun menggunakan pendekatan Semiotik. Dalam kajian beliau, penggunaan simbol yang terdapat pada flora dan fauna memberikan makna tersirat dan tersurat kepada sesuatu lambang sebenar yang tidak mempunyai perkaitan dengan objek sebenar. Selain itu, pengkaji juga menganalisis keadaan yang berasaskan dua hal yang bertentangan. Misalnya, pemakaian unsur tumbuhan seperti padi – lalang, kumbang – bunga, enggang – pipit, dan gading – tanduk. Dua unsur perlambangan yang bertentangan ini turut mewakili dua makna yang berbeza. Kumbang misalnya bermaksud teruna, manakala bunga bermaksud perempuan (Daud, 2007).

Menurut Hassan (2001), perlambangan merupakan aspek utama dan paling dominan dalam gaya bahasa perlambangan terjadi, antara lain melali penggunaan metafora, simile atau personafikasi. Pemakaian lambang merupakan satu cara penyampaian maksud puisi dan meningkatkan nilai estetika sesebuah puisi. Aspek perlambangan digunakan secara meluas dalam penghasilan puisi tradisional misalnya pantun dan syair. Keakraban masyarakat Melayu dengan alam diperlihatkan



menerusi pemakaian aspek lambang alam semula jadi antaranya jenis haiwan, tumbuhan, lautan dan gunung-ganang. Pemakaian aspek perlambangan alam semula jadi ini membantu khalayak dalam memahami dan menghayati puisi Melayu yang dihasilkan.

Merujuk pula kajian yang dilakukan Usman, Azmi, Ahmad, & Hasbullah, (2014) tentang penggunaan unsur fauna iaitu harimau dalam tradisi lisan masyarakat Kerinci. Penggunaan haiwan harimau dalam tradisi lisan mereka adalah selari dengan pemaknaan masyarakat Kerinci terhadap alam yang terdapat di sekeliling mereka. Fitrah atau sifat yang terdapat pada harimau yang tangkas dan cerdas mencetuskan inspirasi kepada mereka iaitu satu simbol 'kekuasaan'. Cetusan ini telah memberi sumbangan kepada rangka perkembangan masyarakat Kerinci dalam membentuk etika dan moral dalam menjalani dan merencana wawasan hidup.

Melihat beberapa kajian ilmiah terdahulu yang dijalankan antaranya ialah Lapasau & Othman (2010), Fadzil & Samsina (2011), Mahali & Samaah (2013), Nurul Aminah & Hasnah (2014), Mohd Rashid (2012), Eizah (2019), Eizah (2016), Siti Hajar (2013), Tran (2013), Nor Hashimah (2014), Satyavadini (2021), Novialdi, Amir & Syahrani (2019), Zaini (2017) dan Amran & Nopiah (2020) yang mengkaji pemakaian istilah unsur tumbuhan dan haiwan yang terkandung dalam puisi Melayu tradisional mahupun moden.

2.1 Perlambangan dalam Komunikasi Visual

Komunikasi visual adalah kaedah komunikasi yang menggunakan visual sebagai alat untuk menyampaikan pesanan atau informasi (komunikasi). Dalam komunikasi visual, penggunaan teknik perlambangan atau metafora memainkan peranan penting bagi mengukuhkan maksud pesanan dan informasi yang ingin disampaikan kepada penonton. Pemilihan perlambangan (metafora) dalam komunikasi visual haruslah tepat dan bersesuaian agar pesanan dan informasi yang ingin disampaikan dapat difahami dengan cepat dan tepat.

“Penggunaan metafora perlu selari dengan pemilihan subjek dan maksud yang ingin digunakan dan disampaikan dengan lebih tepat serta berkesan dalam penghasilan karya untuk dilihat dan dikaji oleh pengkritik seni.”

(Wan Nurhasyimah & Ahmad Rashdi, 2018).

Penggunaan motif haiwan dalam komunikasi visual telah lama dipraktikkan sejak zaman prasejarah lagi bermula pada zaman Paleolitik (2 juta tahun - 13000 tahun sebelum Masihi). Masyarakat pada zaman itu telah mengukir simbol-simbol haiwan di dinding-dinding gua bagi tujuan komunikasi. Antara simbol haiwan yang tersohor dijumpai adalah simbol seekor lembu bison yang dinamakan Lascaux. Turut ditemui juga arca berbentuk haiwan yang bersaiz 4.4 inci yang dinamakan sebagai Venus. Kedua penemuan ini membuktikan bahawa penggunaan motif haiwan sebagai perlambangan dalam komunikasi visual telah lama wujud (Meggs & Purvis, 2016).

Pada zaman kini pereka seni visual menggunakan motif haiwan sebagai sebahagian dari idea dalam berkarya, sama ada secara realistik atau abstrak. Penggunaan motif haiwan dalam perlambangan dikatakan dapat menyampaikan maksud yang pelbagai, bergantung kepada sosiobudaya sesebuah masyarakat. Perlambangan yang cuba disampaikan pula selalunya berkait dengan sifat, habitat dan fizikal haiwan tersebut serta nilai-nilai budaya, isu semasa, sosial, politik, ekonomi, dan sejarah bagi suatu kelompok masyarakat. Wan Nurhasyimah et. al



(2018) menyifatkan Prof. Jalaini Abu Hassan sebagai seorang artis yang peka terhadap isu mutakhir misalnya isu politik, ekonomi dan sosial yang berlaku, di samping menerapkan pengalaman peribadi terhadap impak dan pengaruh tradisi budaya dalam berkarya. Prof. Jalaini Abu Hassan merupakan seorang artis seni kontemporari yang banyak menggunakan motif haiwan dan tumbuhan dalam hasil karyanya.

3.0 Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah analisis teks secara interpretatif. Pendekatan ini sesuai digunakan kerana objektif kajian adalah untuk meneliti makna tersirat dan simbolik penggunaan unsur fauna dalam pantun Melayu, yang tidak dapat diukur secara kuantitatif.

3.2 Pemilihan Teori dan Justifikasi

Kajian ini menggunakan Teori Semiotik Ferdinand de Saussure sebagai kerangka analisis utama. Pemilihan teori ini berasaskan keupayaannya menjelaskan hubungan antara penanda (leksikal fauna) dan petanda (makna simbolik) yang bersifat arbitrari, iaitu makna tidak wujud secara semula jadi tetapi terbentuk melalui persetujuan dan konvensi sosial masyarakat Melayu. Berbeza dengan pendekatan metafora konsepsi yang menekankan pemindahan domain kognitif, teori semiotik Saussure membolehkan kajian ini meneliti bagaimana simbol fauna berfungsi sebagai tanda budaya yang membawa nilai moral, sosial dan estetika dalam komunikasi tradisional Melayu.

3.3 Pemilihan dan Pengumpulan Data

Data kajian dipilih daripada Pantun Melayu Bingkisan Permata (2007) yang menghimpunkan lebih 4,000 buah pantun merangkumi pelbagai genre. Pemilihan pantun dibuat berdasarkan kriteria berikut:

1. Pantun mengandungi leksikal fauna secara eksplisit.
2. Terdapat hubungan makna antara pembayang dan maksud.
3. Unsur fauna berfungsi sebagai simbol, bukan rujukan literal.

3.4 Prosedur Analisis Data

Penganalisan data dilakukan melalui beberapa peringkat iaitu:

1. Mengenal pasti leksikal fauna
2. Pengelompokan fauna (unggas, haiwan liar, akuatik)
3. Penentuan penanda dan petanda
4. Analisis fungsi simbolik (moral, sosial, emosi)



5. Perbandingan dengan representasi seni visual

Pendekatan ini menjadikan analisis lebih sistematis dan berlapis, bukan sekadar huraian secara deskriptif.

4.0 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Data 1

Berburu ke padang datar
Dapat rusa belang kaki
Berguru kepalang ajar
Ibarat bunga kembang tak jadi

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007:140)

Secara struktur, pembayang pantun terbina melalui dua citra utama, iaitu aktiviti berburu dan lokasi padang datar. Kedua-dua unsur ini tidak berfungsi secara literal, sebaliknya membentuk medan metafora yang memperkukuh makna pantun. Dalam konteks budaya Melayu, perburuan biasanya dikaitkan dengan cabaran, kepayahan dan usaha yang memerlukan kemahiran. Namun, frasa padang datar melambangkan ruang yang mudah dan tidak mencabar. Justeru, aktiviti berburu di kawasan sebegini membawa implikasi usaha yang dilakukan tanpa kesungguhan dan tanpa risiko.

Pemilihan fauna rusa belang kaki sebagai hasil buruan memperkukuh lagi makna simbolik ini. Walaupun secara leksikal perkataan rusa lazimnya dikaitkan dengan haiwan buruan yang bernilai tinggi, frasa rusa belang kaki dalam budaya Melayu adalah merujuk kepada sejenis serangga, iaitu belalang rusa. Dari sudut semiotik, berlaku peralihan makna daripada jangkakan awal khalayak terhadap haiwan besar dan bernilai kepada realiti haiwan kecil yang tidak signifikan. Peralihan ini mencipta kesan ironi simbolik yang menjadi teras kepada makna pantun. Menurut Sujana (2007), belalang merupakan serangga herbivor yang hidup di kawasan padang rumput dan mudah diperoleh tanpa usaha yang besar. Ciri ini selari dengan gambaran padang datar sebagai ruang tanpa cabaran. Hubungan antara penanda (rusa belang kaki) dan petanda (hasil yang kecil dan tidak bermakna) adalah bersifat arbitrari, namun diterima secara kolektif melalui pengalaman dan pengamatan budaya masyarakat Melayu. Dalam hal ini, fauna tidak berfungsi sebagai rujukan biologis semata-mata, tetapi sebagai tanda budaya yang mendukung makna sosial.

Maksud pantun yang dinyatakan dalam dua baris terakhir, iaitu berguru kepalang ajar dan ibarat bunga kembang tak jadi, menzahirkan teguran terhadap sikap manusia yang melakukan sesuatu pekerjaan, khususnya menuntut ilmu, secara sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Hubungan antara pembayang dan maksud dalam pantun ini bersifat analogi iaitu perburuan mudah yang hanya menghasilkan belalang diibaratkan proses pembelajaran yang tidak tuntas dan akhirnya gagal membuahkan hasil. Manakala simbol bunga kembang tak jadi mengukuhkan makna kegagalan potensi akibat kurangnya kesungguhan dan ketekunan. Dari perspektif semiotik Saussure, rusa belang kaki berfungsi sebagai penanda yang membawa makna konotatif tertentu melalui petanda yang dibentuk oleh konvensi budaya. Makna ini tidak lahir secara semula jadi daripada haiwan tersebut, tetapi terbina melalui proses pemaknaan sosial yang berulang dalam budaya lisan Melayu.



Hal ini membuktikan bahawa simbol fauna dalam pantun berperanan sebagai alat kognitif untuk menstrukturkan pengalaman manusia dan memindahkan nilai moral secara tidak langsung. Secara analitikal, pantun di atas memperlihatkan bahawa penggunaan unsur fauna dalam pantun Melayu tidak bersifat ornamental atau hiasan bahasa semata-mata. Sebaliknya, fauna dipilih berdasarkan kesesuaian sifat, habitat dan nilai simboliknya bagi membina wacana nasihat yang berkesan. Pemilihan belalang rusa sebagai simbol hasil buruan yang remeh mencerminkan kepekaan masyarakat Melayu terhadap alam sekeliling serta kebijaksanaan mereka dalam memanfaatkan unsur tersebut sebagai medium pendidikan sosial. Kesimpulannya, Data 1 membuktikan bahawa simbol fauna dalam pantun Melayu berfungsi sebagai sistem tanda yang kompleks dan bermakna.

Data 2

Cahaya hidup menyegar padi,
Ayam berkokok mengikat tua
Jikalau hidup tidak berbudi
Umpama pokok tidak berbuah.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007:110)

Pantun di atas membawa maksud bahawa manusia yang tidak melakukan kebaikan atau berbudi kepada ahli masyarakat lain merupakan adalah satu kerugian yang besar dalam kehidupan. Manusia yang tidak berbuat kebaikan merupakan manusia yang rugi dan tidak akan mendapat kebaikan dalam hidup mereka jika dibandingkan dengan manusia yang sering melakukan kebaikan kepada orang lain. Setiap kebaikan yang dilakukan akan sentiasa menjadi ingatan. Malah, kebaikan yang dilkakukan bukan hanya bersifat kebendaan semata, tetapi juga dari aspek tutur kata dan peribadi mulia yang akan sentiasa menjadi ingatan. Manakala orang yang tidak berbuat baik pula digambarkan menerusi baris empat pantun iaitu 'Umpama pokok tidak berbuah'. Pokok yang tidak menghasilkan buah tidak memberikan kebaikan dan ungkapan ini merupakan simbolik kepada orang yang tidak berbuat kebaikan dalam hidupnya.

Unsur fauna merujuk pantun di atas ialah ayam. Ayam merupakan haiwan yang amat sinonim dalam masyarakat Melayu. Kebiasaannya, ayam akan berkokok apabila tiba waktu pagi. Dalam kalangan masyarakat Melayu, simbolik ayam berkokok membawa maksud waktu pagi dan kebiasaan masyarakat dahulu akan mula melakukan aktiviti harian misalnya mencari rezeki. Sesuatu pekerjaan atau amalan dalam kehidupan yang dilakukan di awal pagi pasti akan mendatangkan kejayaan. Bertepatan dengan mesej yang ingin disampaikan, penggunaan unsur haiwan dalam pantun menggambarkan wujudnya keakraban antara manusia dengan alam.

Pembayang yang terdapat dalam baris pertama iaitu 'Cahaya hidup menyegar padi' dalam rangkap pantun memperkukuh simbolik penggunaan fauna ayam. Manakala simbolik cahaya hidup mendukung makna cahaya mentari fajar yang menghidangkan kesegaran untuk keseluruhan makhluk ciptaan Allah SWT sama ada manusia, malar hijau dan haiwan. Cahaya mentari pagi memiliki kelebihan unik dan mempunyai manfaat bagi kesihatan semua makhluk bernyawa.

Terbukti dengan penggunaan unsur yang terdapat dalam alam antaranya ayam, cahaya, dan pokok menjadi petanda bahawa berlakunya interaksi antara semua unsur alam. Ayam misalnya bukan hanya menjadi sumber makanan tetapi juga sebagai alat hiburan, ayam menjadi simbol rezeki, kekuatan dan sebagainya. Ayam juga dijadikan sebagai perbandingan dan perumpamaan



positif atau negatif dalam masyarakat Melayu terdahulu menerusi sifat yang terdapat pada fauna ayam. Misalnya dalam peribahasa masyarakat Semai yang beranggapan bahawa ayam merupakan haiwan yang memiliki sifat rajin kerana kebiasaan ayam yang keluar mencari rezeki di awal pagi berbanding dengan haiwan lain (Mahalai & Saamah, 2013). Ayam juga akan mula berkokok menandakan fajar akan muncul. Simbol kegagahan juga jelas terpancar menerusi pantun di atas kerana, hanya citra ayam jantan yang dilambangkan gagah dan memenuhi sifat kejantanan yang mampu berkokok.

Mesej yang cuba disampaikan menerusi pantun di atas memperkukuhkan lagi bahawa setiap unsur alam yang terdapat disekeliling masyarakat Melayu dahulu dijadikan sebagai sumber ilham dan gagasan falsafah dalam melebarluaskan pemikiran (Hassan Ahmad, 20023). Keselarian antara pembayang dan maksud pantun dengan menggunakan unsur alam terutamanya penggunaan fauna ayam melambangkan hubungan antara penanda dan petanda adalah arbitrari. Perkaitan ini adalah buka secara semula jadi etatpi ditentukan oleh kovensi atau persetujuan sosaial dalam budaya masyarakat. Justeru, perkaitan penanda dan petanda dengan menggunakan simbol fauna ayam berjaya membentuk interpretasi tersendiri dalam pemikiran khalayak pembaca.

Data 3

Burung merpati terbang seribu
Hinggap seekor di tengah laman
Hendak mati di hujung kuku
Hendak berkubur di tapak tangan.

(Sumber; Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007:388)

Simbol *fauna burung merpati* sering digunakan dalam penzahiran pantun Melayu dan pemakaian simbol burung merpati adalah untuk melambangkan nilai kasih sayang serta keamanan. Manakala maksud keseluruhan pantun tersebut adalah menegenai sebuah janji dan sumpah setia yang dilafazkan oleh pasangan yang dilamun cinta dengan harapan akan tetap dapat bersama dan hanya akan dipisahkan oleh kematian. Baris kedua pantun pula memaparkan dunia percintaan yang penuh dengan unsur luar biasa absurd. Manakala baris pantun 'Hinggap seekor di tengah laman' pula bermaksud berlakunya proses pikat-memikat antara teruna dan dara. Gambaran yang diahirkan melalui bait-bait pantun digarap dengan cukup indah bagi menonjolkan keindahan budi dan bahasa masyarakat Melayu dahulu.

Apabila pasangan kekasih yang dilamun cinta, mereka akan mengungkapkan perkara yang indah-indah dan mengikat janji manis. Oleh yang demikian, penggunaan simbol fauna iaitu burung merpati mewakili kaum hawa yang digambarkan masih perawan dan suci. Kesucian seseorang gadis dilambangkan dengan warna burung merpati yang putih bersih. Merujuk Kamus Dewan Edisi Kempat (2010), burung merpati boleh dimaknakan sebagai sejenis burung dara dan kerap kali dijadikan kiasan kepada kaum gadis yang kelihatan senang ditipu daya tetapi sebenarnya tidak sedemikian. Hasil penelitian dan pemerhatian masyarakat tentang sifat burung merpati yang jinak dan tidak takut akan manusia, maka sifat-sifat ini dipadankan dengan citra seorang gadis sunti yang pemalu. Misalnya, seorang gadis yang merajuk akhirnya akan berlembut hati apabila dipujuk rayu tanpa henti.

Daud (2007) berpendapat bahawa, perlambangan burung juga kebiasaanya terkait dengan sifat dan citra kaum lelaki. Penggunaan unsur fauna burung pungguk, gagak dan pipit misalnya telah menzahirkan ungkapan tertentu yang mengaitkannya dengan lelaki. Ungkapan pungguk rindukan bulan contohnya bermaksud bahawa seorang lelaki yang merindui kekasihnya di kejauhan. Walau bagaimanapun, dalam konteks pantun di atas, pemakaian simbol burung merpati yang



digunakan merupakan simbolik kepada kaum perempuan atau gadis yang digambarkan masih sunti.

Data 4

Daging punai dalam dulang
Kasi makan Datuk Temenggung
Jangan bawa resmi udang
Ekor berdetik tahi dijunjung.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007:201)

Keseluruhan pantun di atas membawa maksud dan juga merupakan satu teguran kepada masyarakat terutamanya kepada seseorang yang tidak tetap laku dan bodoh. Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), mendefinisikan resmi sebagai sifat semula jadi, sifat khas (benda, adat, perangai, tabiat). Oleh yang demikian, menerusi pantun di atas, dapat dilihat sifat semula jadi udang iaitu ekor yang melengkung di hujung dan kedudukan tahi udang yang dijunjung di bahagian kepala. Kebanyakan metafora udang diteliti berdasarkan bentuk tubuhnya yang kecil dan melengkung. Merujuk kepada baris keempat pantun di atas, 'Ekor berdetik tahi dijunjung' merujuk kepada keadaan fizikal udang dengan ekornya yang melengkung dan tahinya yang berada di bahagian kepala.

Haiwan akuatik yang dipilih dan dizahirkan menerusi pantun di atas mempunyai makna tersurat dan tersirat. Ugang merupakan sejenis binatang yang hidup di air, berkulit keras, memilik sepuluh kaki dan mempunyai ekor merupakan definisi yang diberikan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Masyarakat Melayu yang tinggal di kawaan pesisir pantai, tasik, laut atau sungai kebanyakannya menjalankan kerja memungut hasil laut, sungai dan tasik untuk sebagai sumber rezeki. Bukan hanya menjadi sumber rezeki, aktiviti tersebut turut menjadi sumber ilham dan pemikiran bagi pematun yang sentiasa mengamati masyarakat dan senario tersebut dimasukkan dalam pantun. Menerusi pemerhatian inilah sifat yang terdapat pada udang diambil dan diterapkan kepada perlakuan manusia.

Unsur fauna udang menurut Sujana (2007) ialah haiwan yang tidak mempunyai tulang dan hidup di air. Mempunyai kulit yang keras, berkaki sepuluh dan mempunyai sepasang penyepit. Nama saintifiknya ialah *Crustaceae* dan keadaan fizikal fauna ini adalah sentiasa bongkok. Keadaan fizikal udang yang sentiasa bongkok inilah menyebabkan udang sering dijadikan kiasan kepada sifat seseorang yang tidak cantik atau buruk rupa dan tidak tahu diri.

Metafora udang pada kebiasaannya diperhati berasaskan rupa bentuk udang yang bersaiz kecil dan hujung ekor yang sedikit melingkar, dan kedudukan tahinya yang terletak pada bahagian kepala. Berdasarkan keadaan fizikal udang yang sedemikian maka ia menjadi signifikan kepada sifat bodoh (Lapasau & Othman, 2010). Ugang dilihat sebagai lemah dan mudah diperangkap kerana rupa bentuk dan habitatnya yang tinggal di dalam air. Badannya yang bongkok juga merupakan maksud konotasi kepada sifat manusia yang tidak insaf walau banyak kekurangan. Pengamatan masyarakat Melayu terdahulu terhadap sifat-sifat yang terdapat pada udang telah digunakan sebagai tanda yang mendukung makna tertentu dalam budaya Melayu iaitu tentang seseorang yang tidak tetap kelakuan dan kedudukannya dan menjunjung kobodohan diri.



Data 5

Anak ayam disambar helang
Dari enam tinggallah lima
Harimau mati meninggalkan belang
Manusia mati meninggalkan nama.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007:182)

Maksud keseluruhan pantun enam di atas ialah menjelaskan tentang setiap perbuatan baik atau buruk manusia akan sentiasa dikenang sehingga akhir hayat. Manusia yang melakukan amal kebaikan akan sentiasa menjadi ingatan dan akan menjadi umpatan masyarakat sekeliling. Hal ini signifikan dengan sifat dan citra yang dimiliki oleh harimau. Seperti yang kita sedia maklum, masyarakat zaman dahulu menjalankan aktiviti mencari hasil hutan dan pengamatan masyarakat terdahulu kepada citra harimau sewaktu mencari hasil hutan menjadikan pemilihan fauna harimau sebagai satu simbol kegagahan. Sifat yang dimiliki haiwan ini dipertautkan dengan sifat manusia yang gagah. Namun, kegagahan yang dimiliki akan menjadikan manusia baik atau jahat.

Unsur fauna harimau dalam pantun di atas merupakan satu simbol kegagahan, keberanian dan sebagai simbol binatang yang digeruni. Walaupun harimau telah mati, namun belang yang terdapat pada harimau masih ditakuti. Menurut Abdullah Hussain (1997), dalam kalangan masyarakat Melayu, harimau dikenali dengan sifat buas dan berani. Interpretasi masyarakat Melayu tentang harimau dapat dilihat sebagai simbol kekuasaan, kejahatan, berbahaya, kepahlawanan dan keberanian. Oleh yang demikian, pemerhatian dan penelitian ini telah diterjemahkan menerusi penghasilan pantun Melayu.

Justeru, perilaku manusia dikaitkan dengan sifat-sifat dan citra yang terdapat pada harimau ditampakkan dalam penciptaan pantun dan terbukti bahawa masyarakat Melayu dahulu memiliki keakraban dengan alam.

Masyarakat Melayu dahulu mengutip pengamatan dan pengalaman ketika berburu atau memungut hasil hutan lalu diterapkan kepada citra manusia yang memiliki kegagahan, kekuasaan, berbahaya, pemberani dan bertaraf tinggi. Menurut pendapat Harun Mat Piah (1996), pantun merupakan hasil kreativiti yang berjaya merakam realiti manusia dan alam, manakala dari realiti, alam, pemikiran dan pengalaman penyebab terhasilnya sesebuah karya yang digelar pantun.

Data 6

Ayam hutan ayam di alas
Oleh tempatnya di atas gerai
Bagai beloncor dengan belangkas
Mati dipotong baru bercerai.

(Pantun Melayu Bingkisan Permata, 2007:380)

Secara struktur, pembayang pantun ini menampilkan imejan ayam yang ditempatkan bersama-sama, yang secara implisit mencerminkan keadaan kebersamaan dan kedekatan. Walaupun unsur ayam tidak menjadi fokus utama makna simbolik, kehadirannya berfungsi sebagai persediaan makna kepada maksud pantun yang menegaskan konsep kesatuan dan kebersamaan yang tidak terpisah. Makna utama pantun ini dizahirkan secara jelas melalui pemakaian unsur fauna beloncor dan belangkas. Dalam konteks budaya Melayu, belangkas



dikenali sebagai haiwan akuatik yang hidup berpasangan hampir sepanjang hayatnya. Fenomena ini diperhatikan secara empirikal oleh masyarakat pesisir pantai, lalu ditafsirkan sebagai simbol kesetiaan dan keterikatan yang kukuh. Harun Mat Piah (2011) menjelaskan bahawa pasangan belangkas sering dijadikan perumpamaan bagi hubungan manusia yang sukar dipisahkan, khususnya dalam konteks perkahwinan.

Dari sudut semiotik, beloncor dan belangkas berfungsi sebagai penanda, manakala konsep kesatuan, kesetiaan dan kebersamaan suami isteri berfungsi sebagai petanda. Hubungan antara penanda dan petanda ini bersifat arbitrari, namun dimantapkan melalui konvensi budaya dan pengulangan dalam tradisi lisan Melayu. Makna simbolik ini tidak terhasil secara semula jadi daripada haiwan tersebut, tetapi terbentuk melalui proses penafsiran sosial yang kolektif (Saussure, 2011). Merujuk baris keempat pantun, "Mati dipotong baru bercerai", mengukuhkan simbolisme tersebut secara dramatik. Ungkapan ini bukan sahaja menekankan tahap keterikatan pasangan belangkas, malah memindahkan makna tersebut ke dalam konteks hubungan manusia. Perceraian hanya berlaku melalui kematian, yang secara metaforanya merujuk kepada kesetiaan mutlak dan komitmen jangka hayat dalam institusi perkahwinan Melayu. Hal ini selari dengan nilai budaya Melayu yang menekankan keharmonian rumah tangga, kesabaran dan kesetiaan sebagai asas kehidupan berkeluarga (Hassan Ahmad, 2003).

Secara analitikal, pemilihan fauna akuatik dalam pantun ini juga signifikan kerana ia memperlihatkan hubungan langsung antara pengalaman hidup masyarakat Melayu dengan persekitaran mereka. Masyarakat pesisir pantai yang sering berinteraksi dengan belangkas menjadikan pemerhatian terhadap tabiat haiwan tersebut sebagai sumber metafora budaya. Fenomena ini membuktikan bahawa pantun Melayu berfungsi sebagai wadah pengetahuan tempatan yang menggabungkan alam, pengalaman dan nilai sosial dalam bentuk bahasa yang estetik dan simbolik.

Selain itu, simbol belangkas dalam pantun ini turut mempunyai kesinambungan makna dalam seni visual Melayu. Motif pasangan haiwan yang tidak terpisah sering digunakan dalam seni ukiran, kraf tradisional dan komunikasi visual sebagai lambang keharmonian dan keseimbangan. Keseragaman makna ini menunjukkan bahawa simbol fauna beroperasi sebagai sistem tanda budaya yang konsisten merentasi medium lisan dan visual, sekali gus mengukuhkan perannya sebagai alat komunikasi budaya yang berkesan (Meggs & Purvis, 2016). Kesimpulannya, Data 6 memperlihatkan bahawa penggunaan unsur fauna beloncor dan belangkas dalam pantun Melayu bukan sekadar hiasan bahasa, tetapi berfungsi sebagai simbol budaya yang sarat dengan makna sosial dan nilai moral. Analisis ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu memiliki keupayaan intelektual yang tinggi dalam menafsir alam sebagai cerminan hubungan manusia, sekali gus menjadikan pantun sebagai medium pendidikan nilai yang halus, berlapis dan berkesan.

4.1 Penggunaan Unsur Fauna Dalam Pantun Dari Perspektif Seni Visual.

4.1.1 Ayam

Ayam merupakan jenis unggas yang menjadi peliharaan dan dijinakkan oleh manusia untuk dimanfaatkan daging, telur dan bulunya. Ayam memiliki bulu yang halus dan lembut, kaki yang kuat, serta paruh yang keras dan tajam. Terdapat beberapa jenis ayam seperti ayam kampung, ayam serama, ayam ras, ayam jantan (jago) dan sebagainya. Visual ayam boleh melambangkan banyak perkara, bergantung kepada budaya dan kaumnya.



Ayam jantan sering dipilih dan dijadikan sebagai subjek dalam penghasilan sebuah karya seni. Dalam seni visual, ayam jantan sering disimbolkan sebagai keberanian dan kegagahan. Seperti dalam karya Jaafar Taib yang bertajuk 'Sang Juara', karya ini berlatarbelakangkan suasana rimba yang sudah mula diterokai kerana kerakusan manusia bersama visual seekor ayam jantan yang berani (Wan Nur Aqmar Zulkifli, 2022).



Lukisan cat akrilik oleh Jaafar Taib yang bertajuk Sang Juara.

Melalui penulisan Ika Sholekhah Putri (2020), ayam jantan juga disebut sebagai ayam jago, merupakan antara haiwan yang dikagumi oleh pelbagai budaya, pegangan dan agama. Sebagai contoh menerusi kalendar zodiak Cina, simbol ayam jantan adalah melambangkan kesetiaan dan ketepatan waktu. Ayam jantan juga menonjolkan aspek ketaatan, kejantanan, keberanian, kejujuran, berhati-hati, kemegahan, kegagahan, positif, semangat dan seksual. Ayam jantan juga dianggap sebagai tanda nasib yang baik. Ini menunjukkan ayam jantan boleh melambangkan pelbagai maksud yang secara kesimpulannya lebih kepada sifat spiritual dan aura yang baik.

Sifat dan ciri yang terdapat pada ayam juga sering dijadikan sebagai perlambangan dalam seni visual. Antaranya, ayam sering dikaitkan dengan kebangkitan dan kebanggaan apabila mereka bangun awal dan berkokok dengan kuat. Ayam jantan juga sering dikaitkan dengan simbol keadilan dan kebenaran kerana ayam jantan dianggap sebagai makhluk yang jujur dan berani, dan sentiasa melindungi kumpulannya daripada serangan musuh. Ayam sering dilihat sebagai simbol penjagaan dan perlindungan, terutamanya dalam budaya Asia. Ayam jantan sering digunakan sebagai pengawal atau pelindung keluarga, manakala ayam sering digunakan sebagai simbol kemesraan dan kelembutan.

Dalam sesetengah budaya, ayam sering dilihat sebagai simbol kekayaan atau kemakmuran. Ini kerana bulu ayam sering digunakan sebagai bahan untuk membuat barangan mewah. Ayam juga sering dilihat sebagai simbol keberanian dan keazaman kerana mereka dikenali sebagai makhluk yang berani dan lasak. Ayam jantan sering digunakan sebagai simbol kejantanan yang kuat, manakala ayam sering dilihat sebagai simbol kewanitaan yang tegar dan bebas.


4.1.2 Burung Merpati

Burung merpati merupakan sejenis spesies burung yang menjadi belaan manusia yang mempunyai bentuk tubuh yang cantik dan sikap yang unik. Merpati merupakan sejenis burung



yang jinak dan pintar, dan sering menjadi peneman dan penghibur kepada tuannya. Bentuk tubuhnya yang cantik dan unik sering menjadi ilham kepada karya-karya lukisan pelukis. Yosi Selvia et al. (2017) menyatakan burung merpati mempunyai bentuk tubuh, warna, sifat dan aktiviti yang unik dan indah. Setiap burung merpati hidup secara berpasangan. Ciri-ciri merpati yang menarik menyebabkan ia sering menjadi inspirasi kepada pelukis dalam menghasilkan karya seni mereka.

Burung merpati adalah sejenis spesies burung yang dikenali dengan sifatnya yang jinak dengan manusia tapi lari berterbangan apabila cuba didekati. Bersesuaian dengan satu ungkapan Melayu yang berbunyi, 'jinak-jinak merpati', yang membawa maksud perempuan yang terlihat mudah diperdaya tetapi sebenarnya tidak. Sinonim juga dengan ungkapan Melayu, 'merpati dua sejoli', kerana Yosi Selvia et al. (2017) menyatakan bahawa merpati merupakan spesies burung yang hidup secara berpasang-pasangan. Kerana itu di dalam seni komunikasi visual, burung merpati sering dijadikan simbol kepada percintaan dan kesetiaan.



Kon percintaan yang menggunakan simbol burung merpati

Dalam seni komunikasi visual burung merpati sering menjadi lambang dengan berbagai makna tergantung pada konteksnya. Antara makna umum yang terkait dengan burung merpati dalam seni komunikasi visual adalah burung merpati sebagai lambang kebahagiaan dan kedamaian: Burung merpati sering dikaitkan dengan kebahagiaan dan kedamaian kerana karektor burung merpati dikenali sebagai binatang yang jinak dan tidak agresif. Dalam satu perhimpunan Solidariti Kedamaian yang telah berlangsung di Dataran Merdeka pada 23 Mac 2019, penggunaan simbol burung merpati putih dan berlatarbelakangkan bunga raya merupakan satu simbol kedamaian dan menolak sebarang bentuk ancaman keganasan. Perhimpunan ini merupakan ekoran daripada insiden tembakan rambang yang melibatkan dua buah masjid di Christchurch, New Zealand tanggal 15 Mac 2019 yang telah mengorbankan seorang pelajar Malaysia, Allahyarham Mohd Haziq Mohd Tarmizi (MStar, Mac 2019).





Logo perhimpunan Solidariti Kedamaian

Burung merpati juga sering dilambangkan sebagai penghantar (kurier) dan komunikasi. Hal ini kerana pada zaman dahulu burung merpati sering digunakan sebagai penghantar pesan atau surat, medium untuk berkomunikasi. Berkomunikasi menggunakan burung merpati telah ditubuhkan sekitar abad ke-5 sebelum Masihi. Pada zaman Rom, burung merpati digunakan sebagai pembawa hasil dalam acara sukan Sukan Olimpik. Justeru, merpati sering dibebaskan pada sesi pembukaan Sukan Olimpik.

Manakala di England, burung merpati dibebaskan untuk menyampaikan berita tentang perlawanan bola sepak. Sewaktu Perang Dunia Pertama, seekor burung merpati bernama Cher Ami telah menyelamatkan ramai askar Perancis dengan membawa mesej merentasi barisan musuh. Selain itu, burung merpati juga banyak dijadikan sebagai penghantar mesej merentasi pihak musuh dalam beberapa siri peperangan yang lain. Walau sudah wujud alat komunikasi yang lebih canggih, khidmat burung merpati masih digunakan (Raden Laqie, 2023).



Logo-logo syarikat pos dan penghantaran yang pernah menggunakan simbol burung merpati




4.1.3 Harimau

Visual harimau juga memiliki makna dan perlambangan yang pelbagai merentasi budaya. Namun begitu, secara umum diketahui harimau adalah lambang kepada kekuatan, keberanian, kegagahan dan kekuasaan. Melihat negara-negara Asia, harimau lebih sinonim disimbolkan sebagai binatang yang sangat kuat, berani dan berkuasa kerana harimau dianggap sebagai raja rimba.

Manakala di Malaysia, harimau merupakan simbol rasmi rasmi Malaysia dan digelar sebagai Harimau Malaya. Pemaikaian lambang harimau juga adalah sebagai haiwan rasmi bagi Negeri Melayu Bersekutu dahulu serta turut dipakai dalam lambang jata negara Malaysia. Dua ekor harimau di dalam jata negara Malaysia merupakan simbol kepada keberanian, kegagahan dan kekuatan. (Jabatan Penerangan Malaysia, 2017). Negeri Johor juga turut menggunakan harimau di dalam jata negerinya. Dua ekor harimau di dalam jata negeri Johor mengingatkan kepada sejarah pada masa dahulu banyak binatang-binatang buas merayau-rayau di dalam negeri itu (Azamiah N. Azwan, 2016).



Jata Negara Malaysia



Jata Negeri Johor

Lambang harimau banyak digunakan dalam institusi-institusi Malaysia yang lain seperti PDRM, JDT, Perak FA, FAM, Proton, Maybank dan banyak lagi. Institusi kewangan terbesar Malaysia iaitu Maybank turut menggunakan kepala harimau sebagai lambang di dalam logonya sejak tahun 1962 dan telah ditukar sebanyak beberapa kali namun mengekalkan simbol kepala harimau sehingga sekarang. Kepala harimau dipilih sebagai simbolik kepada Harimau Malaya dan juga lambang kepada keberanian dan kegagahan institusi tersebut.



Logo Maybank



Bagi kaum Cina, mereka mempercayai dengan adanya 12 zodiak yang mewakili perwatakan yang berbeza. Setiap tahun zodiak akan berubah mengikut kitarannya dan harimau mewakili zodiak ketiga dalam kitaran zodiak cina. Kaum cina melambangkan Tahun Harimau sebagai tahun keberanian. Individu yang lahir pada tahun Harimau dikatakan mempunyai keberanian, kompetitif, berkeyakinan dan sifat tidak boleh dijangka (Utusan Malaysia, 2022).

Fauna harimau juga sering dihubungkan dengan keanggunan dan keindahan kerana bentuk fizikalnya yang cantik dan elegan. Di beberapa budaya di Asia, harimau dianggap sebagai pelindung atau penjaga wilayah dan sering dihormati sebagai dewa atau simbol kekuasaan. Namun begitu, dalam beberapa budaya simbol harimau dianggap sebagai simbol ketakutan atau kengerian kerana sifatnya yang ganas dan membahayakan manusia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa makna dan perlambangan bagi visual harimau adalah pelbagai, bergantung kepada budaya dan latar belakang sejarah suatu masyarakat.

5.0 Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti penggunaan unsur fauna sebagai leksikal bermakna dalam pantun Melayu dengan menumpukan kepada fungsi simbolik dan peranannya dalam menyampaikan nilai budaya serta pandangan hidup masyarakat Melayu. Berdasarkan analisis semiotik terhadap data terpilih, kajian ini membuktikan bahawa unsur fauna tidak digunakan secara arbitrari atau sekadar sebagai hiasan bahasa, sebaliknya dipilih berdasarkan sifat semula jadi, tingkah laku dan pengalaman empirik masyarakat Melayu terhadap alam sekeliling. Proses pemilihan ini mencerminkan kebijaksanaan kolektif masyarakat Melayu dalam menstrukturkan makna melalui analogi alam yang bersifat tidak langsung tetapi berkesan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa simbol fauna berfungsi sebagai sistem tanda budaya yang kompleks dan berlapis. Unsur fauna seperti rusa belang kaki dimanfaatkan untuk melambangkan usaha yang tidak bersungguh-sungguh dan hasil yang tidak bermakna, manakala fauna seperti beloncor dan belangkas pula menjadi simbol kesetiaan dan kebersamaan dalam hubungan suami isteri. Kepelbagaian makna ini membuktikan bahawa simbol fauna dalam pantun Melayu bersifat kontekstual dan dinamik, bergantung kepada hubungan antara penanda, petanda dan konvensi budaya yang membentuk pemaknaannya.

Dari sudut teori, kajian ini menyumbang kepada pengembangan analisis semiotik dalam kajian sastera Melayu dengan memperlihatkan bagaimana teori tanda dapat diaplikasikan secara kontekstual dan berakar pada budaya tempatan. Kajian ini bukan sahaja menyokong pandangan bahawa makna simbol terbentuk melalui persetujuan sosial, malah menegaskan bahawa pengalaman ekologi masyarakat turut memainkan peranan penting dalam pembentukan makna tersebut. Dengan itu, kajian ini memperluas wacana semiotik sastera Melayu dengan mengintegrasikan dimensi etnoekologi dan kebudayaan.

Selain itu, kajian ini turut memberi implikasi penting terhadap bidang seni visual dan komunikasi budaya. Keseragaman makna simbol fauna dalam pantun dan seni visual membuktikan bahawa pantun berfungsi sebagai sumber rujukan simbolik yang berterusan dalam pembinaan identiti visual Melayu. Justeru, pantun Melayu tidak seharusnya dilihat sebagai teks tradisional yang terpisah daripada realiti kontemporari, sebaliknya sebagai khazanah simbol budaya yang relevan dan berpotensi untuk diterjemahkan ke dalam pelbagai medium kreatif masa kini.



Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai keterbatasan dari segi skop data dan fokus analisis yang terhad kepada pantun terpilih. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk memperluas korpus pantun daripada pelbagai wilayah dan konteks sosial bagi mengenal pasti variasi simbol fauna secara lebih menyeluruh. Di samping itu, penyelidikan masa hadapan juga boleh menggabungkan pendekatan kuantitatif atau *digital humanities* bagi memetakan kekerapan dan pola penggunaan simbol fauna dalam pantun Melayu secara lebih sistematik.

Kesimpulannya, kajian ini mengukuhkan kedudukan pantun Melayu sebagai wadah pemikiran dan refleksi budaya yang sarat dengan nilai simbolik dan intelektual. Melalui analisis unsur fauna sebagai leksikal bermakna, kajian ini menegaskan bahawa pantun bukan sekadar karya estetika, tetapi merupakan manifestasi hubungan erat antara manusia, alam dan nilai kehidupan dalam tradisi pemikiran Melayu.

Rujukan

- Abdul Ghani, M. K., & Mohamed, N. (2024). *Analisis semantik inkuisitif: Simbol 'bunga' dalam pantun Melayu*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*.
- Al-Fin, M., & Jalaluddin, N. H. (2025). *Natural phenomena in Malay pantun*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. [https://doi.org/10.37052/jm.15\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.15(2)no1)
- Amran, M. N. S. & Nopiah, J. (2020). Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Abdullah Hussain. (1997). *Canai Budi (Kumpulan Peribahasa Kontemporari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Achin, I. A., & Bianus, A. B. (2021). Simbolisme dalam Filem Animasi Malaysia Berdasarkan Pendekatan Semiotik. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 132-141.
- Satyavadini, C. (2021). Dunia Fauna Kumpulan Puisi Jantung Lebah Ratu. *Humanis*, 25(3), 315-324.
- Daud, N. (2007). Unsur Metafora Dalam Pantun: Suatu Pendekatan Semiotik. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 120-134.
- Eizah, M. H. (2016). *Simbol dan makna dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata*/Eizah Mat Hussain (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Eizah, M.H. (2019). *Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu*. ITBM. Kuala Lumpur.
- Frank, P., Preble, D., Preble, S. (2018). *Prebles' Artforms-Revel Access Code (What's New in Art & Humanities) 12th Edition*. United State, Amerika: Pearson Education.
- Ishak, A. Q., Ja'afar, S., & Abdullah, A. R. (2024). *Children's pantun from the perspective Riffaterre's semiotics*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.



- Jabatan Warisan Negara. (2025). *Pantun*. <https://heritage.gov.my/my/v-pantun.html>
- Johnson, M. & Lakoff, G. (2008). *Lebern In Methapern: Konstruktion Und Gebrauch Von Sprachbildern*. Heidelberg: Carl Auer.
- Lapasau, M., & Othman, A. (2010). Metafora Haiwan: Kajian Perbandingan Bahasa Melayu Dan Bahasa Indonesia. *Jurnal Bahasa*, 10(1), 162-194.
- Mahali, S. N. H., & Saamah, M. R. (2013). Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online Journal Of Language Studies*, 13(1).
- Meggs, P.B., Purvis, A.W. (2016). *Meggs' History of Graphic Design 6th Edition*. United Kingdom: Wiley
- Mohd Helmi, M. I. (2020). *Kijang sebagai simbol dalam rekaan logo Bank Negara Malaysia/Mohd Helmi Mohd Isa* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Novialdi, H., Amir, A., & Syahrani, A. (2019). Relasi Kosakata Fauna Dalam Sampiran dan Isi Pantun "1001 Pantun Peribahasa" Karya Sudiadi. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 8(10).
- Oscar Gordon Wong, Farah Nabila Binti Nordin, (2018). *Imej Haiwan Dalam Kartun Lerang Langkawit Melalui Pendekatan Ikonografi*.
- Harun Mat Piah. 1996. *Realiti Dan Kreativiti Pantun Melayu*. Dlm. Wan Abdul Kadir, *Pantun Manifestasi Minda Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2007). *Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.
- Sapinah Haji Said. 2015. *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Bharu: Pelangi Epublishing Sdn Bhd.
- Sapitri Januariyansah, 2018. *Analisis Desain Logo Berdasarkan Teori: Efektif Dan Efisien*.
- Steve Parker. 2011. *Mari Berseronok Dengan Ensklopedia Haiwan*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Sujana, Arman. 2007. *Kamus Lengkap Biologi*. Jakarta: Mega Aksara
- Wan Nurhasyimah, W., & Ahmad Rashdi, Y. I. (2018). Metafora dalam seni kontemporari/Wan Nurhasyimah W. Mohd Apandi dan Dr. Ahmad Rashdi Yan Ibrahim. *Ideology Journal*, 3(2), 165-170.
- Yosi Selvia, Yusron Wikarya, Yofita Sandra, (2017). *Merpati Dalam Karya Grafis*.



- Usman, H., Azmi, U., Ahmad, Z., & Hasbullah, W. M. D. W. (2014). Mitos Harimau Dalam Tradisi Lisan Masyarakat Kerinci Di Jambi: The Tiger Myth In The Oral Tradition Of The Kerinci People In Jambi, Sumatera. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 25(1), 24-44.
- Zaini, M. F. H. (2017). Analisis Pemetaan Sematik Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 17.
- Zolkifli, S. S. M., Abdull Rahman, Z. S., & Ramli, A. (2025). *The art of pantun: Symbolism and aesthetic interpretation in Si Bongkok Tanjung Puteri. International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 13(2), 207–219.
<https://doi.org/10.47252/teniat.v13i2.1413>
- Saimon, A., & Roslan, M. F. (2022). Gajah Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Rangka Rujuk Silang: Elephas Maximus In Malay Proverbs: Cross-Reference Framework Analysis. *LSP International Journal*, 9(2), 1-16.
- Hassan, Z. (2001). *Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan Dalam Puisi Melayu Moden* (Doctoral Dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Azamiah N. Azwan (Jun, 2016). *Jata Negeri-Negeri Malaysia* dimuat turun daripada <https://www.scribd.com/doc/316009260/Jata-Negeri-negeri-Malaysia#>
- MStar (Mac, 2019). *Simbol Burung Merpati Putih Sebagai Solidariti Kedamaian*. Dimuat turun daripada https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2019/03/23/rakyat_malaysia-solidariti
- Hazayani Zakaria (Mac, 2019). *DBKL Lulus Himpunan Solidariti Kedamaian Sabtu Ini* <https://malaysiadateline.com/dbkl-lulus-himpunan-solidariti-kedamaian-sabtu-ini/https://www.bnm.gov.my/the-bank-s-logo>
- Raden Laquie (Januari, 2023). *Burung Merpati “Bukan Sekadar Penghantar Maklumat”*. Dimuat turun daripada <https://demimaliau.com/burung-merpati-bukan-sekadar-penghantar-maklumat/>
- Tom Bombadil (2017). *Sang Rusa Ataupun Sang Kerbau. Mana Lagi Manis?* Dimuat turun daripada <https://www.ultrajang.com/sang-rusa-ataupun-sang-kerbau-mana-lagi-manis/>
- Wan Nur Aqmar Zulkifli (Jun, 2022). *Melihat Alam Lewat Karya Jaafar Taib*. Dimuat turun daripada <https://baskl.com.my/melihat-alam-lewat-karya-jaafar-taib/>
- Ika Sholekhah Putri (November, 2020). *Dianggap Sebagai Hewan Spiritual, Berikut Beragam Makna dan Symbolisme Ayam Jago*. Dimuat turun daripada. <https://lingkarmadiun.pikiran-rakyat.com/hiburan/pr-66989827/dianggap-sebagai-hewan-spiritual-berikut-beragam-makna-dan-symbolisme-ayam-jago>
- Jabatan Penerangan Malaysia (2017). *Jata Negara*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/137?language=my>



Utusan Malaysia (Januari 2022). *Tahun Harimau Lambang Keberanian*. Dimuat turun daripada <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2022/01/tahun-harimau-lambang-keberanian/https://1000logos.net/maybank-logo/>

